

**KAEDAH TEATER MEMBACA DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN GENRE (DRAMA)
*THEATER READING METHOD IN TEACHING AND LEARNING
DRAMA GENRE***

**Mohd Amir Mohd Zahari¹
Azrul Azizi Amirul²
Anida Sarudin³
Fadzilah Amzah⁴**

*Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris
amir:mz@fbk.upsi.edu.my, azrulazizi@usm.my, anida@fbk.upsi.edu.my, Fadzilah@usm.my
Tarikh dihantar: 25 Julai 2019 / Tarikh diterima: 8 September 2019*

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan kaedah Teater Membaca serta impaknya terhadap pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam bilik darjah. Objektif kajian ini adalah menganalisis keberkesanan PdPc drama melalui kaedah Teater Membaca. Data kajian menggunakan naskhah drama Tingkatan Dua yang bertajuk *Hemodialisis*. Data lain disokong dengan kajian kes terhadap pelajar Tingkatan Dua Agama Satu (2A1) dan Tingkatan Dua Agama Dua (2A2) di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Syed Ahmad, Kuala Nerang, Kedah. Data-data penyelidikan yang bersifat kualitatif dianalisis menerusi pembinaan instrumen senarai semak pencerapan PdPc, temu bual tidak berstruktur dan soal selidik. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan kaedah Teater Membaca memberi impak yang positif dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kaedah ini dapat menarik minat pelajar tanpa terikat dan tidak memberi tekanan kepada pelajar. Hasil kajian menunjukkan kaedah Teater Membaca sesuai digunakan sebagai medium dalam kaedah pengajaran oleh guru sebagai alat bantu mengajar. Analisis terhadap penggunaan kaedah Teater Membaca dalam pengajaran dan pembelajaran menunjukkan Teater Membaca dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap naskhah drama yang bertajuk *Hemodialisis*. Secara tidak langsung, kaedah Teater Membaca melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif seperti hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Implikasi kajian ini dapat dimanfaatkan oleh mana-mana pemegang taruh, khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar menyarankan guru-guru subjek Sastera di Malaysia menggunakan kaedah Teater Membaca dalam PdPc sebagai satu wadah pembelajaran interaktif dan menjana minda pelajar dalam menghayati naskhah dengan lebih kreatif.

Kata kunci: Kaedah teater membaca, PdPc, drama, guru sastera, kreatif dan inovatif.

ABSTRACT

This research aims to study the use of Reader's Theatre method and the impact towards teaching and facilitating in the classroom. The objective of this research is to analyze the effectiveness of teaching and facilitating drama through Reader's Theatre method. The research data used was from a form two drama book entitled Hemodialisis. Other data were supported by case studies of form two (2A1) and form two (2A2) at Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Syed Ahmad, Kuala Nerang, Kedah. Qualitative research data were analyzed through teaching and facilitating observation checklist, unstructured interviews and questionnaires. The results show that the level used for Reader's Theatre method has a positive impact on the teaching and learning aspects. Furthermore, this method can attract students' interest without being bounded and do not pressure the students. The results show that Reader's Theatre method is best used as a medium in teaching by teachers as their teaching aids. Further analysis of Reader's Theatre methods in teaching and learning shows that Reader's Theatre was able to enhance student's understanding of the drama book entitled Hemodialisis. Indirectly, Reader's Theatre methods develops creative and innovative students as embodied in the Philosophy of National Education. The implication of this research can benefit many stakeholders, especially Ministry of Education Malaysia to encourage Malaysian Literature teachers to use the Readers Theatre method in teaching and facilitating as an interactive learning medium and to generate students' creative minds.

Keywords: *Reader's theatre methods, teaching and facilitating, drama, literature teacher, creative and innovative.*

PENGENALAN

Kaedah pengajaran merupakan salah satu kemahiran pedagogi yang membantu pelaksanaan PdPc secara berkesan di bilik darjah. Kaedah pengajaran menjadi satu ukuran yang menentukan kualiti pengajaran guru dan murid. Kegagalan guru menggunakan pedagogi dan kaedah pengajaran yang tidak berkesan mengakibatkan murid gagal memahami dalam penerimaan hasil mata pelajaran. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dalam Modul Kreativiti Pembangunan dan Amalan dalam PdPc, 2011 menyatakan bahawa;

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil langkah yang dinamik dengan menerapkan elemen kreativiti dan inovasi dalam kurikulum persekolahan di Malaysia sejak tahun 1980-an sehingga kini iaitu sejak pelaksanaan KBSR dan KBSM.”

(Alimuddin Dom, 2011)

Guru perlu kreatif dan inovatif menghasilkan PdPc yang berkesan kerana mereka memainkan peranan sebagai pemangkin untuk berdaya saing dalam aspek pendidikan terutama memaksimumkan pemahaman (Muhamad Zaki Samsudin, Razali Hassan, Azman Hasan & Mohd As'ed, 2013). Melalui PdPc yang menerapkan elemen-elemen kreatif, guru dan pelajar dapat memperoleh ilmu pengetahuan dari segi kemahiran dalam konteks drama dalam pendidikan seperti Teater Membaca (Clementi, 2010). Pendekatan teater yang diaplikasikan dalam bilik darjah merupakan satu pendekatan baharu khususnya di Malaysia. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah yang terletak di kawasan luar bandar di daerah Kuala Nerang, Kedah. Sekolah tersebut dipilih berdasarkan lokasi luar bandar agar penyelidik dapat berkongsi pengalaman dan mendapatkan suasana PdPc yang berkonsepkan teater sebagai kaedah guru dalam pembelajaran yang memberi impak kepada pelajar. Menurut guru yang terlibat dalam kajian ini, pelajarinya tidak berminat untuk membaca setiap naskhah drama yang terdapat di dalam buku teks kerana mereka mudah memperoleh maklumat dan sinopsis daripada buku latihan dan sumber internet. Hal ini menyebabkan elemen penghayatan kurang diberi pendedahan kepada pelajar dan sekali gus tidak memberi impak terhadap mutu PdPc. Justeru, drama dalam pendidikan dengan mengaplikasikan Teater Membaca diperkenalkan kepada pelajar dalam usaha memberi nafas baharu terhadap corak PdPc genre drama.

Drama dalam pendidikan merujuk kepada persembahan dramatik yang dijalankan dalam bilik darjah (Anna, Miiia, Mirja & Tapio, 2016). Kaedah ini dapat memperkembangkan aspek pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Drama dalam pendidikan tidak memberi fokus atau penekanan utama terhadap persembahan secara formal. Ia bertujuan untuk mengajar dan memberi pemahaman yang maksimum kepada murid tentang sesuatu mata pelajaran. Sebagai contoh, mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang mempelajari genre drama, puisi dan novel dari teks yang dipelajari boleh dipentaskan di dalam bilik darjah menggunakan kaedah kreatif ini. Penggunaan kaedah drama dalam pendidikan membentuk suasana yang membolehkan murid belajar antara satu sama lain berasaskan interaksi secara langsung

Menurut Rachael (2013), pembelajaran ini dapat dilihat melalui drama dalam pendidikan di sekolah Britain sebagai suatu kaedah atau dijadikan sebagai salah satu program kurikulum. Redington (1983) juga berpendapat penggunaan pelbagai elemen dramatik seperti gerak, suara, pemikiran, improvisasi dan main peranan sebagai alat bantu mengajar yang bertujuan menggalakkan pertumbuhan sendiri pelajar.

Gulnar (2011), menyatakan penggunaan kaedah drama yang diaplikasikan dalam proses PdPc dapat dilihat sebagai alat atau kaedah mengajar sesuatu mata pelajaran tertentu. Sebagai contoh, dalam mata pelajaran yang berkonsepkan drama dalam pendidikan memberi peluang kepada pelajar untuk bergiat aktif dan kreatif di dalam bilik darjah. Pelajar didedahkan dengan elemen-elemen drama seperti imaginasi, penggunaan suara, lakonan, penghayatan dan gerak badan. Menurut Rosenberg dan Helena (1987: 36), objektif drama dalam pendidikan dapat menganalisis pengalaman dalam kehidupan. Sebagai manusia, lazimnya kita akan melakonkan semula berdasarkan apa yang kita lihat dan lalui.

Drama dalam pendidikan lebih bersifat bersepadu dan mampu mengangkat potensi individu agar lebih berkeyakinan dalam melakukan sesuatu. Selain itu, jika elemen pendidikan dan drama digabungkan, maka proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik dan berkesan. Mc Caslin (1984: 286), dalam buku *Creative Drama in the Classroom* mengatakan penggunaan kaedah drama telah lama diiktiraf dalam dunia pendidikan. Penggunaan kaedah drama dalam pendidikan dilaksanakan sebagai aktiviti yang akan memberikan peluang pelajar untuk belajar secara bermain dan kreatif.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mengkaji tentang kaedah drama dalam pendidikan untuk meneliti dan mengenal pasti proses Teater Membaca sebagai PdPc di dalam bilik darjah. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Mengkaji minat pelajar terhadap pembelajaran genre drama melalui kaedah membaca.
- ii) Menganalisis tahap pencapaian melalui peratusan markah yang diperolehi oleh pelajar yang terlibat dalam penggunaan kaedah Teater Membaca.

SOROTAN LITERATUR

Teater Membaca

Menurut Clementi (2010), Teater Membaca adalah sebuah pementasan drama, iaitu pelakornya membaca skrip dengan gaya artistik. Pelajar yang terlibat membaca skrip drama tersebut dengan penuh penghayatan. Selain itu, penekanan terhadap intonasi suara yang jelas dan kuat. Walau bagaimanapun, set, prop dan

kostum digunakan secara minimum kerana aktiviti tersebut dijalankan di dalam bilik darjah. Seterusnya, Teater Membaca adalah satu aktiviti yang berbentuk artistik dan teater visualisasi dramatik. Gerald Lee Ratliff menyatakan seperti berikut:

...theatrical actions, images and sound in lively classroom performances. All of this and more is possible because the imagination of the young eager mind has been creatively challenged.

(Gerald Lee Ratliff, 1993: 3)

Suasana bilik darjah dalam aktiviti ini menjadi seperti sebuah persembahan teater. Teater Membaca dikenali sebagai ‘teater minda’ kerana membenarkan penonton untuk berimajinasi babak dan aksi. Kajian yang telah dilakukan oleh Zainiah Mohamed Isa, Loy Chee Luen, Agnes Vimala dan Ainon Omar (2013), mendapati bahawa Teater Membaca merupakan kaedah pengajaran yang berbentuk pembacaan melalui naskhah. Pembaca atau pelajar dikehendaki memegang skrip dan membuat persembahan di hadapan penonton dengan gabungan beberapa elemen seperti pergerakan dramatik, isyarat tubuh (*gesture*) dan ekspresi muka (*facial expression*).

Kajian ini amat relevan dan memilih mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, iaitu sinonim dengan pendekatan kaedah teater. Hal ini demikian kerana kandungan silibus dalam mata pelajaran tersebut mengandungi subtopik cerpen, puisi, drama dan novel. Kesemua kandungan tersebut memerlukan aspek kreatif dan artistik. Kaedah Teater Membaca merupakan medium pembelajaran interaktif yang memerlukan murid terlibat secara aktif seperti dalam proses mengolah skrip, menghafal, lakonan, penghayatan, forum dan sebagainya.

Menurut Clementi (2010: 85–88), Teater Membaca juga dapat merangsang dan menarik minat untuk belajar di samping meningkatkan motivasi pelajar serta mewujudkan suasana yang menarik semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah yang mementingkan aktiviti menyeronokkan dapat memotivasikan pelajar membaca dan mempelajari komponen Kesusasteraan. Aktiviti ini juga membolehkan pelajar untuk menerokai potensi dan bakat dalam persembahan kerana mereka beraksi di hadapan rakan dalam bilik darjah (Ghazali Ismail, 2011). Dari perspektif persembahan, pelajar berusaha untuk melaksanakan aktiviti dengan sebaik mungkin. Kajian oleh (Ashaari Alias, 2011: 16) merumuskan bahawa begitu mudah untuk mengaplikasikan aktiviti Teater Membaca di dalam bilik darjah dengan menyarankan supaya murid membaca teks drama dengan penuh ekspresi, bersuara lantang dan menghayati watak.

Umumnya, kajian ini meninjau keberkesanan penggunaan kaedah Teater Membaca. Justeru, pengkaji berusaha untuk melihat dan mengenal pasti proses Teater Membaca yang dilaksanakan semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Selain itu, kaedah ini juga dijangka dapat menarik minat terhadap pembelajaran drama. Bahagian analisis kajian ini akan menghurai keberkesanan pembelajaran drama melalui kaedah Teater Membaca berdasarkan pencapaian peratusan markah yang diperolehi dari kedua-dua bilik darjah.

Teater Membaca sebagai Wahana Pedagogi yang Multikonteks

Bagi menjayakan aktiviti ini, beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh guru dan murid. Menurut Melvin (1994: 5), Teater Membaca adalah sebuah pembacaan kreatif yang menggunakan pelbagai jenis naskah atau teks dan mempunyai dialog yang bersifat multikonteks. Pembacaan yang dimaksudkan adalah berdasarkan elemen-elemen teater seperti lakonan, pergerakan yang minimum dan lontaran vokal. Dari segi pengajaran, guru perlu menggunakan sesebuah skrip yang sesuai untuk murid. Dalam kajian ini, guru yang mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu memilih naskah drama *Hemodialisis*. Selanjutnya, skrip diedarkan kepada semua pelajar dan watak-watak yang dipilih diberikan. Pelajar diberikan masa untuk membaca dan menghayati setiap watak. Murid yang mengambil bahagian akan bersedia di hadapan dan mengatur kedudukan mereka. Kedudukan disusun oleh guru mengikut situasi dalam lakonan tersebut, manakala murid yang tidak mengambil bahagian beraksi sebagai penonton. Mereka perlu mencatat perkara-perkara yang penting seperti watak dan perwatakan, plot cerita, bahasa yang diguna pakai, persoalan yang timbul dan sebagainya.

Inisiatif guru adalah usaha untuk menambah baik Teater Membaca yang dilaksanakan di dalam bilik darjah (Ashaari Alias, 2011). Sebagai contoh, guru menggunakan audio visual atau muzik bagi memeriahkan aktiviti dan membantu dalam penghayatan watak. Kenyataan tersebut disokong oleh Griffith dan Rasinski (2004) yang mengatakan penggunaan penceritaan melalui audio sebagai elemen visualisasi seolah-olah cerita itu benar-benar berlaku di hadapan mereka. Kaedah ini membantu memaksimumkan kefahaman teks drama tersebut dan dapat meningkatkan mutu persembahan.

METODOLOGI

Penyelidikan dijalankan agar setiap objektif kajian dan persoalan tercapai. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah penyelidikan tinjauan. Pengkaji menjalankan kajian lapangan di sebuah sekolah di daerah Kuala Nerang,

Kedah. Kajian ini mengkaji penggunaan kaedah Teater Membaca dalam proses PdPc menerusi penggunaan naskhah drama *Hemodialisis*. Pengkaji memilih dua buah kelas dalam Tingkatan Dua sebagai responden. Data-data dalam kajian ini dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Instrumen kajian pula melibatkan soal selidik dan kaedah temu bual yang bersifat tidak berstruktur dan kaedah pemerhatian.

Analisis Demografi sebagai Maklum Balas Penggunaan Kaedah Teater Membaca


Hasil kajian lapangan memaparkan analisis dan perbincangan berasaskan hubungan antara fenomena dengan data-data tersebut. Ia terbahagi kepada beberapa bahagian yang terdiri daripada maklumat demografi responden, analisis terhadap maklum balas soal selidik, keputusan peperiksaan akhir tahun dan temu bual guru. Selanjutnya, diikuti dengan perbincangan terhadap hasil analisis yang diperoleh.

Latar Belakang Responden

Responden terdiri daripada para pelajar dan seorang guru lelaki berketurunan Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Syed Ahmad. Guru tersebut merupakan guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu bagi kedua-dua Tingkatan 2A1 dan 2A2.

Taburan Responden Mengikut Bilik Darjah dan Jantina

Seramai 50 orang pelajar terlibat dalam kajian ini yang berumur dalam lingkungan 14 tahun. 27 orang pelajar merupakan pelajar Tingkatan 2A1 dan seramai 23 orang pelajar merupakan pelajar Tingkatan 2A2. Pada keseluruhannya, seramai 50 orang pelajar terlibat dalam kajian yang berumur dalam lingkungan 14 tahun. Sejumlah 27 orang pelajar merupakan pelajar Tingkatan 2A1 dan seramai 23 orang pelajar lagi dalam Tingkatan 2A2. Rajah 1 adalah taburan responden mengikut tingkatan dan jantina.




Rajah 1 Taburan responden mengikut tingkatan dan jantina

Analisis Soal Selidik

Analisis soalan kaji selidik terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian B, C dan D. Kesemua bahagian tersebut adalah berpandukan skala Likert 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (kurang setuju), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju). Hanya pelajar Tingkatan 2A1 yang mengambil bahagian dalam fasa pertama ini. Seramai 26 orang diambil kira walaupun jumlah keseluruhan pelajar yang menjawab soalan kaji selidik yang diedarkan. Seramai 20 orang pelajar terdiri daripada murid perempuan, manakala enam daripadanya adalah pelajar lelaki. Data menunjukkan peratusan pelajar yang terlibat berjumlah 77 peratus daripada jantina perempuan dan selebihnya berjumlah 23 peratus adalah lelaki.

Analisis Persepsi Murid terhadap Impak Positif dalam PdPc Drama


Bahagian B mengandungi lapan pernyataan, iaitu B1 hingga B8. Pernyataan-pernyataan tersebut adalah tentang pengajaran dan pembelajaran komponen sastera KOMSAS (genre drama *Hemodialisis*) secara umum. Pernyataan-pernyataan B1, B2, B3, B6 dan B8 bertujuan mengenal pasti minat pelajar terhadap KOMSAS. Pernyataan-pernyataan B4 dan B5 pula bertujuan mengenal pasti persepsi pelajar terhadap impak-impak positif komponen tersebut. Pernyataan B7 merupakan kenyataan negatif terhadap drama *Hemodialisis*. Berikut adalah rajah-rajah yang menunjukkan maklum balas pelajar terhadap pernyataan-pernyataan tersebut:



Rajah 2 (a) Minat terhadap komponen sastera KOMSAS


Berpandukan Rajah 2 (a), pelajar memberikan maklum balas positif berkenaan minat mereka terhadap komponen yang dimaksudkan. Sejumlah 81 peratus dalam kalangan pelajar yang terlibat amat berminat terhadap kaedah drama. Peratusan tinggi didapati pada pernyataan-pernyataan lain berkaitan minat mereka terhadap KOMSAS. Bagaimanapun, segelintir pelajar

mengekalkan pendirian mereka, iaitu tidak berminat terhadap mata pelajaran dan pembacaan *Hemodialisis*.



Rajah 2 (b) Impak positif KOMSAS

Rajah 2 (b), sekali lagi menunjukkan maklum balas positif pelajar. Kebanyakan mereka berpendapat aktiviti pembelajaran membantu mereka bersikap aktif di dalam bilik darjah serta menggalakkan pemikiran secara kreatif.




Rajah 2 (c) Kesukaran naskhah drama *Hemodialisis*

Berdasarkan Rajah 2 (c), kebanyakan pelajar tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan bahawa naskhah drama *Hemodialisis* sukar difahami. Hal ini demikian kerana maklum balas positif mereka, iaitu tidak menghadapi masalah dalam menangani komponen tersebut. Namun, masih terdapat sebilangan pelajar (19 peratus) berpendapat naskhah drama *Hemodialisis* sebagai bahan pembelajaran yang sukar difahami. Oleh hal yang demikian, perkara ini perlu dilihat dengan lebih mendalam.


Analisis Persepsi Murid terhadap Pendekatan Kaedah Teater Membaca

Soalan kaji selidik Bahagian C mengandungi 11 pernyataan, iaitu C1 hingga C11. Bahagian C bertujuan mengenal pasti sikap pelajar terhadap pendekatan kaedah pembelajaran yang diaplikasikan. Pernyataan-pernyataan C1 dan C2 bertujuan mengenal pasti latar belakang pelajar terhadap penggunaan kaedah drama dan teater dalam pendidikan. Pernyataan-pernyataan C4, C5, C6, C7, C8, C9 dan C10 adalah mengenal pasti tanggapan pelajar terhadap impak-impak positif pendekatan pembelajaran tersebut. Pernyataan-pernyataan selebihnya, iaitu C3 dan C4 merupakan tanggapan negatif pelajar terhadap kaedah pengajaran guru (rujuk Rajah 3).




Rajah 3 Pengetahuan tentang kaedah drama/teater dalam pendidikan

Rajah 3 mencatatkan hanya 16 peratus daripada keseluruhan jumlah responden yang menjawab soalan kaji selidik menyatakan mereka kurang mendapat pendedahan terhadap kaedah drama. 23 peratus daripada kalangan pelajar dicatatkan sebagai kurang berpengetahuan terhadap kaedah teater. Kebanyakan responden mempunyai latar belakang pengetahuan terhadap kaedah drama dan teater dalam pendidikan.



Rajah 4 Impak positif pendekatan kaedah pembelajaran

Secara amnya, Rajah 4 iaitu impak positif pendekatan kaedah pembelajaran menunjukkan kebanyakan pelajar berpendapat bahawa pendekatan kaedah pembelajaran yang diaplikasikan memberikan impak positif terhadap mereka. Sebanyak 4 peratus daripada jumlah pelajar mencatatkan bahawa kaedah tersebut tidak meningkatkan kefahaman mereka terhadap teks, watak, plot dan babak serta tidak menjadikan mereka lebih bersemangat dan lebih menghayati naskhah *Hemodialisis*. Rajah 7 menunjukkan sejumlah 73 peratus dalam kalangan pelajar berpendapat pendekatan kaedah pembelajaran yang diaplikasikan menjadikan mereka lebih bersemangat. Sejumlah 69 peratus daripada jumlah pelajar menyatakan ia sebagai pembelajaran yang lebih ceria.




Rajah 5 Sentimen negatif

Rajah 5 mencatatkan ‘Sentimen negatif’ sebagai keputusan yang agak positif. Hampir separuh daripada pelajar, iaitu 46 peratus mengatakan mereka sangat tidak setuju terhadap pernyataan bahawa kaedah mengajar guru membosankan. Bagaimanapun, 16 peratus merasakan sebaliknya. Lebih daripada separuh pelajar berpendapat mereka tidak bosan mendengar penerangan guru. 43 peratus pelajar menyatakan ada kalanya mereka bosan dengan penerangan guru sebagai sesuatu yang agak membimbangkan.

Analisis Penglibatan Pelajar dalam PdPc Drama


Bahagian akhir soalan kaji selidik adalah Bahagian D yang mengandungi 10 pernyataan. Pernyataan dalam bahagian ini bertujuan menyelidik penglibatan pelajar dalam modul pengajaran dan pembelajaran Komponen Kesusasteraan Melayu. Pernyataan D1, D2, D3, D7 dan D8 adalah tentang kaedah yang diaplikasi. Pernyataan D4, D5, D9 dan D10 pula adalah tentang kesukaan pelajar terhadap modul pengajaran dan pembelajaran. Pernyataan D6 berbentuk negatif yang ditujukan kepada kaedah mengajar guru seperti dalam Rajah 6.



Rajah 6 Aplikasi kaedah


Rajah 6 menunjukkan sejumlah 96 peratus pelajar mengatakan bahawa mereka sentiasa mengaplikasikan kerjasama dalam kumpulan, manakala sejumlah 92 peratus pula menyatakan mereka digalakkan berinteraksi sesama rakan pelajar. Selain itu, sejumlah 85 peratus pelajar mengatakan bahawa guru kerap membuat aktiviti perbincangan masalah melalui teks drama. Seterusnya, sejumlah 70 peratus bersetuju bahawa guru menggalakkan pelajar memberi pendapat masing-masing. Sebanyak 58 peratus pelajar menyatakan mereka selalu diminta oleh guru untuk melakukan latihan, amali dan bacaan berulang kali. Peratusan tidak bersetuju sebanyak 42 peratus juga dicatatkan pada kenyataan terakhir. Selain

itu, sejumlah 30 peratus kurang bersetuju bahawa mereka digalakkan memberi pendapat masing-masing.



Rajah 7 Kesukaan terhadap kaedah

Rajah 7 pula adalah berkaitan Kesukaan terhadap kaedah pengajaran. Sejumlah 96 peratus daripada pelajar suka mengambil bahagian dalam aktiviti perbincangan, dengan mengatakan mereka suka bekerja dalam kumpulan dan suka jika guru menukar kaedah pengajaran yang lebih kreatif. Sebanyak 88 peratus pelajar suka apabila guru menggunakan kaedah mengajar yang lebih kreatif. Hanya 74 peratus daripada pelajar tersebut suka mengambil bahagian dalam aktiviti perbincangan. Selebihnya, iaitu sejumlah 26 peratus tidak menggemarinya. Sebilangan kecil, iaitu 12 peratus pelajar pula tidak menggemari kaedah mengajar kreatif.




Rajah 8 Pendapat negatif

Pendapat negatif seperti yang ditunjukkan pada Rajah 8 mencatatkan lebih dari separuh pelajar pada skor (kurang, tidak dan sangat tidak setuju) berasa bosan mendengar penerangan guru. Sejumlah 39 peratus daripada pelajar menyatakan (sama ada setuju, sangat setuju dan kadangkala) berasa bosan mendengar penerangan guru.

Analisis Pencapaian Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Genre Drama

Rajah 9 menunjukkan keputusan peperiksaan akhir tahun bagi mata pelajaran Bahasa Melayu bagi kedua-dua Tingkatan 2A1 dan 2A2. Tingkatan 2A1 adalah kumpulan pelajar yang diajar dengan kaedah drama dan teater dalam pendidikan, manakala Tingkatan 2A2 pula tidak diajar dengan kaedah drama dan teater yang ditunjukkan pada Rajah 9.



Rajah 9 Keputusan peperiksaan akhir tahun

Rumusan Keseluruhan Fasa Ketiga: Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun

Keputusan peperiksaan akhir tahun mata pelajaran Bahasa Melayu bagi Tingkatan 2A1 dan Tingkatan 2A2 adalah sangat berbeza. Perbezaan yang amat nyata ini adalah kerana 100 peratus daripada pelajar Tingkatan 2A1 mendapat keputusan antara 80–100 markah. Hanya 39 peratus daripada pelajar di Tingkatan 2A2 yang mendapat pemarkahan yang sama. Dalam bilik Tingkatan 2A2, sejumlah 27 peratus pelajar mendapat markah antara 65–79 dan 30 peratus mendapat markah antara 55–64 peratus. Jurang perbezaan ini berlaku disebabkan oleh kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berlainan bagi kedua-dua bilik darjah.

Analisis Temu Bual sebagai Maklum Balas Perspektif Pelaksanaan Kaedah Teater Membaca

Tiga fasa pertama kajian ini telah mengambil kira perspektif pelajar. Fasa keempat pula adalah sudut pandangan daripada guru yang mengajar. Temu bual yang dikendalikan bertujuan merekod proses penggunaan Teater Membaca yang dijalankan di dalam bilik darjah. Guru yang bertugas ditemu bual dan diminta menerangkan struktur Teater Membaca yang dilaksanakan, sekali gus dapat menjawab persoalan kajian yang pertama.

Soalan-soalan temu bual yang dikemukakan kepada guru terbabit termasuklah;

- i. Apakah persediaan sebelum aktiviti Teater Membaca ini bermula?
- ii. Bagaimanakah proses kaedah Teater Membaca ini dapat dilaksanakan supaya aktiviti ini mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran dalam drama *Hemodialisis*?
- iii. Adakah aktiviti Teater Membaca ini mengikut asas yang telah digariskan di dalam buku atau mengikut inisiatif guru?

Perincian tindak balas guru tersebut adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Temu bual bersama guru

Soalan	Tindak Balas
(i)	Sudah pasti saya akan memilih tajuk drama <i>Hemodialisis</i> kerana naskhah tersebut saya merasakan pelajar sukar untuk memahami pengisian cerita tersebut. Saya akan membaca naskhah itu terlebih dahulu kerana ingin melihat secara lebih dekat mengenai watak-watak dan juga dialog. Di dalam bilik darjah, saya menyuruh kesemua pelajar membaca terlebih dahulu dan memahami jalan cerita tersebut. Pada hari atau minggu seterusnya saya akan memilih pelakon dalam kalangan pelajar untuk menjayakan aktiviti Teater Membaca ini. Dalam pada masa yang sama, saya akan menerangkan kepada pelajar terlebih dahulu mengenai apakah itu Teater Membaca dan bagaimana ia ingin dilaksanakan. Hal ini supaya semua aktiviti berjalan dengan lancar dan teratur. Sesi menjalani proses latihan akan dilakukan terlebih dahulu agar segalanya berjalan dengan baik. Selalunya sebanyak dua atau tiga kali latihan dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Jika semuanya berjalan dengan lancar, maka aktiviti Teater Membaca dilaksanakan. Saya akan memberitahu kepada pelajar untuk memberi penekanan terhadap suara, ekspresi, penghayatan watak dan kelancaran dialog kerana elemen-elemen sedemikian akan memberi impak positif yakni meningkatkan kefahaman kepada rakan-rakan yang menyaksikan persembahan tersebut.

(ii)	Seperti yang saya perkatakan tadi, persediaan awal perlu dilaksanakan terlebih dahulu supaya aktiviti ini berjalan dengan lancar dan baik. Pertama, saya harus meneliti agar kaedah ini berjaya dilaksanakan agar objektif tercapai. Saya memilih dan mengkaji naskah itu terlebih dahulu. Saya akan meneliti dialog-dialog tersebut untuk menentukan bahagian yang perlu diberi penekanan. Kedua, saya memilih pelakon yang layak menjayakan watak-waak tersebut. Ketiga, menjalani sesi latihan sebanyak dua atau tiga kali supaya aktiviti berjalan dengan lancar. Dalam sesi latihan saya menyuruh pelajar membaca dialog masing-masing berulang kali ini agar watak yang dibawa dapat dilakukan dengan baik. Seterusnya, aktiviti Teater Membaca berlangsung di hadapan bilik darjah. Kesemua pelajar yang menonton persembahan tersebut dikehendaki mendengar dan menyalin nota penting supaya dapat meningkatkan kefahaman terhadap naskah tersebut. Saya menggunakan sedikit bantuan audio dan prop supaya dapat menghidupkan watak yang dibawa oleh pelajar.
(iii)	Saya membaca dan mempelajari serba sedikit tentang penggunaan kaedah Teater Membaca daripada internet. Contohnya, bagaimana kaedah ini dilaksanakan sebagai panduan agar aktiviti dapat dijalankan dengan lancar dan mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, penggunaan audio dan prop adalah inisiatif saya sendiri. Hal ini bertujuan untuk menguatkan lagi penghayatan watak dalam kalangan pelajar. Mereka bukan mudah untuk menjiwai watak. Jika ada bantuan audio atau prop, maka sedikit sebanyak membantu mereka menghidupkan watak masing-masing.

Berdasarkan Jadual 1, persediaan guru sebelum aktiviti Teater Membaca bermula adalah untuk memilih tajuk drama *Hemodialisis* kerana guru menganggap pelajar sukar memahami pengisian cerita tersebut. Sebelum memulakan pengajaran, guru mengambil tindakan awal, iaitu mengkaji watak dan dialog cerita berkenaan dengan lebih mendalam.

Apabila di dalam bilik darjah, pelajar diminta membaca dan memahami cerita tersebut terlebih dahulu. Pada hari atau minggu seterusnya, guru memilih pelakon dalam kalangan pelajar untuk menjayakan aktiviti Teater Membaca. Pada masa yang sama, guru menerangkan kepada pelajar apakah itu Teater Membaca dan bagaimana ia perlu dilaksanakan supaya segala aktiviti berjalan dengan lancar dan teratur. Sesi latihan akan dijalankan sebanyak dua atau tiga kali pada peringkat seterusnya. Jika kesemuanya berjalan dengan lancar, maka aktiviti Teater Membaca dilaksanakan. Guru juga telah menerapkan suara, ekspresi, penghayatan watak dan kelancaran dialog kerana berpendapat elemen-elemen sedemikian memberi impak positif, iaitu meningkatkan kefahaman kepada pelajar lain yang menyaksikan persembahan tersebut.

Merujuk kepada persoalan kedua pula, guru tersebut yakin kaedah Teater Membaca ini dapat dilaksanakan demi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran drama *Hemodialisis* melalui persediaan dan perancangan awal.

Dialog-dialog tertentu diberi penekanan. Mengikuti guru tersebut, pemilihan pelakon yang bersesuaian adalah penting. Sesi latihan yang mencukupi juga amat penting. Bagi pelajar yang menonton pula, mereka dikehendaki mendengar dan mencatat nota supaya dapat meningkatkan kefahaman terhadap naskhah tersebut. Guru juga menggunakan sedikit bantuan audio dan prop supaya dapat menghidupkan watak yang dibawa oleh pelajar.

Bagi persoalan terakhir, guru menyatakan bahawa dia membaca dan mempelajari serba sedikit tentang penggunaan kaedah Teater Membaca melalui laman sesawang. Guru juga mengatakan penggunaan audio dan prop adalah berdasarkan inisiatifnya sendiri. Bukanlah mudah bagi pelajar untuk menjayakan watak yang dibawa. Oleh itu, dengan bantuan audio atau prop sedikit sebanyak membantu mereka menghidupkan watak masing-masing.

Analisis Temu Bual sebagai Maklum Balas Proses Kaedah Teater Membaca

Berpandukan sesi temu bual yang telah dijalankan, guru terbabit membuat dan melaksanakan perancangan teliti sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran berasaskan kaedah Teater Membaca. Kesemua pelajar digalakkan untuk turut serta mengambil bahagian, sama ada sebagai pelakon atau penonton. Guru memberi penekanan kepada elemen-elemen tertentu seperti lantunan suara, ekspresi dan penghayatan, serta kelancaran dialog demi menjayakan aktiviti tersebut.

Antara perkara yang perlu diambil perhatian adalah seperti pengucapan dialog, kesesuaian barisan pelakon, sesi latihan yang mencukupi dan lain-lain. Penggunaan sistem audio dan prop juga membantu dalam kelancaran aktiviti yang dijalankan. Kaedah ini adalah hasil daripada inisiatif guru tersebut, selain mempelajarinya sendiri melalui laman sesawang. Berdasarkan temu bual terhadap guru yang terlibat, pelajar juga menghadapi kesukaran untuk menjayakan watak-watak yang dibawa. Pasti pelajar tidak mempunyai asas dalam lakonan tetapi dapat diatasi dengan kesungguhan seperti kekerapan sesi latihan dan bantuan dari rakan lakon serta guru. Apabila keperluan tersebut lengkap secara keseluruhannya, maka pelajar dapat memahami watak dan perwatakan dengan baik.

KESIMPULAN

Kaedah penyampaian yang berkesan di dalam bilik darjah dapat memaksimumkan kefahaman pelajar. Kajian ini mendapati kaedah Teater Membaca membawa banyak manfaat kepada pelajar pada masa kini sekiranya didedahkan dengan cara yang betul. Perancangan pengajaran begitu penting bagi memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran agar guru serta pelajar memperoleh dan menepati kehendak objektif pelajaran. Selain itu, aktiviti ini dapat menarik minat pelajar untuk fokus dan berasa gembira ketika proses PdP. Teater membaca juga merupakan medium yang sering dikaitkan dengan hiburan seperti lakonan dan persembahan semata-mata. Justeru, tidak hairanlah sekiranya penggunaan kaedah kreatif seperti Teater Membaca kurang diaplikasikan untuk tujuan pendidikan. Di Barat, beberapa kajian yang telah dijalankan tentang Kaedah Membaca. Kebanyakannya sependapat bahawa kaedah Teater Membaca membantu dalam aspek pendidikan terutamanya dalam meningkatkan kefahaman naskhah (Clementi, 2010; Concorn, 2005; Kozub, 2000). Oleh hal yang demikian, kajian ini merumuskan bahawa Teater Membaca sebagai alat yang berkesan dalam aspek pendidikan terutamanya dalam pembelajaran genre drama.

RUJUKAN

- Alimuddin Dom. (2011). Cabaran Baru Kepimpinan Sekolah Melalui Bai'ah. *Utusan Malaysia*. 18 Februari 2011.
- Anna, Miia, Mirja & Tapio. (2016). Promoting Creativity in Teaching Drama. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 217, 558–566.
- Ashari Alias. (2011). *Readers theatre in improving oral performance among reluctant ESL speakers*. (Tesis Sarjana tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Clementi, L. B. (2010). *Readers theatre: A motivating method improve reading fluency*. *Phi Delta Kappa*, 91 (5), 85–88.
- Concorn, C. (2005). A study of the effects of readers theatre on second and third grade special education students' fluency growth. *Reading Improvement*, 42 (2), 105–111.
- Gerald Lee Ratliff. (1993). *Introduction to readers theatre a guide to classroom performances*. Colorado, US: Meriwether Publishing Ltd.
- Ghazali Ismail. (2011). *Teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu: Tinjauan terhadap sikap dan minat murid Orang Asli di sekitar Negeri Pahang*. https://jpmipgmtaa.webs.com/Penulisan/Microsoft%20Word%20-%20Kajian_TeknikDrama_OrangAsli.pdf.
- Griffith & Rasinski. (2004). A focus on fluency: How one teacher incorporated fluency with her reading curriculum. *The Reading Teacher*, 58 (2), 126–137.
- Gulnar. (2011). The Role of Drama in Language Teaching. *1st International Conference on Foreign Language Teaching and Applied Linguistics*. May 2011, 5–7. Sarajevo.

- McCaslin. (1984). *Creative drama in the classroom*. New York: Longman.
- Melvin R. White's. (1994). *Readers theatre anthology*. United States: Meriwether Publishing Ltd. Publisher.
- Muhamad Zaki Samsudin, Razali Hassan, Azman Hasan & Mohd As'ed. (2013). Amalan Kreativiti Guru dalam Pengajaran Pendidikan Asas Vokasional (PAV). *Technology, Education, and Science International Conference (TESIC) 2013*.
- Rachael, R. (2013). *The importance of readers' theatre in the classroom*. http://home.sbu.edu/educ505_67/readers%27_theatre.htm.
- Redington, C. (1983). *Can theatre teach? An historical and evaluative analysis of theatre in education*. Britain, Oxford: Pergamon Press.
- Rosenberg & Helena. (1987). *Creative drama and imagination: Transforming ideas into action*. Michigan: Holt, Rinehart and Winston.
- Zainiah Mohamed Isa, Loy Chee Luen, Agnes Vimala & Ainon Omar. (2013). The effect of a reader's theatre on preschool children's reading fluency a comprehension. *Journal of Research, Policy and Practice of Teachers & Teacher Education*, 3 (2), 17–30.

